

Bumiputera yang tunduk arahan orang asing dibidas

U.M. - 9 APR 1978

PELABUHAN KELANG 8 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas segolongan bumiputera yang telah mendapat nikmat dari dasar kerajaan, tapi tunduk kepada arahan orang-orang asing untuk melumpuhkan ekonomi negara.

Timbalan Perdana Menteri juga menyelar bumiputera yang mendapat tempat di dalam kerajaan atau swasta, sebaliknya melupakan 'kebumiputeraan' mereka tanpa memperdulikan nasib bumiputera lain yang memerlukan bantuan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berucap demikian di

hadapan lebih seribu orang ahli UMNO di upacara meletakkan batu asas bangunan enam tingkat yang bakal didirikan oleh UMNO cawangan Pelabuhan Kelang, di sini.

Beliau menarik perhatian bagaimana kerajaan yang dipimpin oleh UMNO sejak merdeka lagi telah banyak

memberikan kemudahan dan kesenangan kepada rakyat terutama bumiputera.

Sebaliknya, menurut beliau, ketika negara di bawah pemerintahan Inggeris dulu orang Melayu tidak langsung mendapat tempat di tanahair mereka sendiri.

"Segala-galanya ketika itu adalah terpujang kepada pemerintah British, ujarnya.

Bagaimanapun, tambahnya, setelah mendapat kerja, ramai pula bumiputera yang melupakan asas bumiputera mereka.

"Mereka lupa pada Dasar Ekonomi Baru yang telah banyak memberikan nikmat kepada mereka," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, apa yang menyedihkan setelah mendapat tempat yang tinggi golongan bumiputera ini sanggup menerima arahan dari pihak lain walaupun ia terpaksa menghancurkan kepentingan negara.

"Kalau beginilah sikap kita, maka kita tidak akan kekal lama dengan kuasa yang ada," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menekankan bahawa melalui dasar kerajaan yang diasaskan oleh UMNO, ramai rakyat berpeluang memegang berbagai jawatan penting di dalam kerajaan dan di sektor swasta.

Mereka yang mendapat tempat ini, tegas beliau, hendaklah beringat bahawa mereka tidak harus melupakan rakyat bumiputera lain yang telah mengasaskan dasar yang ada.

Beliau berharap bumiputera tidak mudah terpengaruh dengan orang-orang asing yang sanggup merosakkan negara ini.

Menyentuh soal Dasar Ekonomi Baru, beliau menekankan ia bukanlah semata-mata bertujuan menentukan kaum pemodal Melayu mendapat peluang melaburkan modal mereka.

"Sebaliknya golongan pekerja bumiputera yang tidak bermoral dan menganggur hendaklah diberi bantuan untuk mendapatkan pekerjaan," jelasnya.

Golongan bumiputera yang menganggur tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, hendaklah diselamatkan segera untuk mengelakkan mereka dari terjerumus ke lembah yang tidak diinginkan.